

TARIKH	25 / 06 / 2014	SEKSYEN	SETEMPAT
MUKA SURAT	39	RUANGAN	

# Tangani tipu pakej umrah

■ Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan syor perkenal lesen khas

**Kuala Lumpur**

**K**ementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan mengetuai Majlis Kawal Selia Umrah yang akan ditubuhkan dalam masa terdekat bagi menangani peningkatan kes penipuan pakej umrah di negara ini.

Menterinya Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, kementerian akan bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan lain antaranya Tribunal Tuntutan Pengguna bagi menangani isu berkenaan.

"Kami akan tengok mana-mana agensi lain yang perlu ada di bawah majlis itu kita akan panggil sekali untuk bermesyuarat minggu depan.

"Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) juga



**MÖHAMED Nazri**

akan dijemput sama," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan ke-32 Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Bumiputera Malaysia (Bumitpra) di sini semalam.

Tambahnya kerajaan menerusi kementerian amat

komited dan sedang merangka strategi bagi menangani isu berkenaan terutamanya kerana ia melibatkan soal agama.

Bagi mengurangkan kes penipuan, beliau berkata kementerian bercadang memperkenalkan lesen khas atau 'sub license' bagi syarikat pelancongan yang ingin menawarkan pakej umrah.

Perkara itu bagaimanapun memerlukan pindaan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992, katanya.

Mohamed Nazri juga berkata kementerian sedang mengkaji untuk memperkenalkan harga minimum pakej umrah sebagai langkah menghalang mana-mana syarikat yang cuba menipu orang ramai menerusi penawaran pakej terlalu murah. - BERNAMA